



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATUK EWON BENEDICK

MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

SEMPENA

BICARA ILMU RAMADAN “MELABUR TANPA WASWAS”

&

MAJLIS BERBUKA PUASA

TARIKH: 11 APRIL 2023 (SELASA)

(SALUTASI AKAN DIBERIKAN KEMUDIAN)

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Selamat Petang kepada semua.

1. **Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Institut Koperasi Malaysia atas jemputan ke majlis ini.** Saya sememangnya sangat berbesar hati kerana kita dapat bersama-sama dalam Bicara Ilmu Ramadan “Melabur Tanpa Waswas” Dan Majlis Berbuka Puasa anjuran IKMa pada tahun ini. Walaupun sudah memasuki hari ke-20 berpuasa, saya ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan kepada umat Islam yang menyambutnya. Di negara ini, kita sentiasa menghormati dan meraikan kepelbagaian kaum, bangsa dan agama. Ini juga lah antara perkara yang dimaksudkan dengan Malaysia Madani oleh YAB Perdana Menteri kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Saya amat berbangga kerana dapat hadir dan pada hari ini dan ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada IKMa kerana berjaya menganjurkan majlis seumpama ini.

3. Penganjuran dan kandungan majlis ilmu ini yang bertajuk Melabur Tanpa Waswas merupakan satu platform yang baik dalam membicarakan mengenai pelaburan patuh syariah yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan di Malaysia kini. Untuk makluman hadirin yang dihormati sekalian, pelaburan adalah kegiatan menanam modal melalui pembelian

instrumen kewangan atau aset dengan matlamat menjana pendapatan. Aktiviti pelaburan ini penting untuk mengukuhkan pengurusan kewangan. Justeru itu, ilmu berkaitan pelaburan ini sangatlah penting untuk diperoleh kerana ia dapat membantu warga koperasi untuk lebih berani melabur. Besarlah harapan saya supaya bicara ilmu ini dapat memberikan input yang bermanfaat kepada para peserta dan seterusnya membuka ruang untuk hadirin sekalian melabur tanpa rasa waswas selepas ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Ekonomi negara terus menunjukkan pemulihan apabila Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi suku tahun ketiga 2022 mencatatkan perkembangan sebanyak 14.2 peratus berbanding 8.9 peratus pada suku tahun kedua. Secara keseluruhan, semua sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan positif pada suku ketiga 2022 dengan sektor perkhidmatan sebagai pemacu utamanya. Antara sedar atau tidak, subsektor di bawah sektor perkhidmatan seperti perdagangan borong & runcit, pengangkutan & penyimpanan dan makanan & minuman dan penginapan, perkhidmatan perniagaan dan hartanah, merupakan aktiviti-aktiviti yang di dokong oleh majoriti gerakan koperasi di negara ini.

5. Apa yang saya cuba tekankan di sini ialah betapa besarnya peranan yang telah dimainkan serta potensi untuk gerakan koperasi terus berkembang dalam memenuhi tuntutan ekonomi dan sosial rakyat termasuklah menangani isu berkaitan kos sara hidup, inflasi, stok dan keselamatan makanan dan lain-lain. Peranan koperasi menjadi pelengkap dan berganding bahu bersama kerajaan dan sektor swasta dalam mengisi ruang-ruang kosong yang ada dalam membangunkan negeri ini dan negara amnya.

6. Saya difahamkan bahawa Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM) adalah dokumen rujukan utama dalam usaha mentransformasi dan memperkasa gerakan koperasi di negara ini. Inisiatif yang dirangka dalam TransKoM dijangka berupaya menjadikan koperasi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi Malaysia yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan. Selain dari peningkatan sumbangan koperasi kepada KDNK, turut disasarkan peningkatan bilangan koperasi menceburi bidang pertumbuhan baharu dan penganjuran konvensyen ini saya kira tepat pada waktunya sebagai wadah mengutip informasi, membuka minda serta membentuk muafakat selain mewujudkan rangkaian perniagaan atau *business networking* dalam kalangan koperasi dan peserta. Zaman di mana kita bekerja secara bersendirian telah berakhir, hakikatnya menjalankan perniagaan hari ini memerlukan kita bersatu dan bekerjasama secara strategik baik dalam kalangan anggota mahupun sesama koperasi. Hal ini merupakan salah satu nilai yang dijunjung oleh koperasi melalui prinsip koperasi ke-3 dan ke-6 iaitu “Penglibatan Ekonomi Anggota” dan “Kerjasama Antara Koperasi”

7. Statistik gerakan koperasi setakat 31 Disember 2022 menunjukkan terdapat sebanyak 15,315 buah koperasi berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan jumlah keanggotaan seramai 7.05 juta. Statistik ini jelas menunjukkan terdapat potensi rangkaian perniagaan yang sangat luas dalam ekosistem koperasi sendiri yang boleh digunakan oleh koperasi memasarkan produk atau perkhidmatan yang dikeluarkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Pada hari ini, saya juga ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada Institut Koperasi Malaysia di atas penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia atau UKKM. **Untuk makluman hadirin sekalian, UKKM telah pun mendapat kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan akan menawarkan 5 program pengajian. 5 program tersebut adalah;**

- (i) Diploma Keusahawanan Koperasi
- (ii) Diploma Pengurusan Koperasi
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Koperasi) (Kepujian)
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Keusahawanan Koperasi) (Kepujian)
- (v) Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Koperasi).

Tahap program yang ditawarkan meliputi 2 program Diploma, 2 program Ijazah Sarjana Muda dan 1 program Ijazah Sarjana.

9. **UKKM telah mendapat kelulusan penubuhan pada 28 Mac 2022,** di mana kelulusan yang diberi adalah kelulusan bersyarat yang memerlukan UKKM memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebelum kelulusan penuh diperolehi. Sehingga kini, UKKM telah memenuhi kesemua syarat-syarat iaitu kelulusan penubuhan dan kelulusan pelaksanaan program daripada MQA.

10. Saya dengan sukacita dan penuh rasa gembira ingin mengumumkan bahawa UKKM telah mendapat kelulusan untuk menjalankan operasi setelah menerima perakuan pendaftaran pada 29 Mac 2023 yang lalu. Ini susulan daripada audit fasiliti UKKM oleh Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) yang telah dilaksanakan pada pertengahan Mac baru-baru ini telah berjaya meyakinkan pihak JPT seterusnya membawa kepada kejayaan memperolehi kelulusan beroperasi ini. Apa yang lebih bermakna dan membanggakan ialah keputusan ini diperolehi lebih cepat daripada jangkaan asal yang pada awalnya dijadualkan pada bulan Mei tahun ini. **UKKM akan memulakan operasinya dengan menjalankan program ijazah sarjana (Masters) yang mana ia akan dijalankan pada Julai ini diikuti oleh program diploma dan ijazah sarjana muda (Degree) pada bulan September.**

11. Di kesempatan ini, saya ingin juga mengalu-alukan gerakan koperasi khususnya koperasi besar untuk terlibat sama dalam pembangunan UKKM melalui pemegangan saham UKKM. Perkara ini bagi memastikan program-program yang dilaksanakan memenuhi hasrat dan keperluan semasa pasaran tenaga kerja gerakan koperasi di samping menghasilkan satu piawaian atau standard pendidikan bercirikan keusahawanan koperasi di Malaysia.

12. Saya juga ingin menyeru semua koperasi terutamanya koperasi-koperasi besar dan premier untuk memberikan dan menunjukkan sokongan kepada UKKM. Ini boleh anda zahirkan dengan melakukan dua (2) perkara berikut untuk peringkat awal ini:

- 1. Menghantar kakitangan di bawah koperasi masing-masing untuk mengikuti dan menyambung pengajian di UKKM.**
- 2. Membiayai pengajian kakitangan tersebut sepanjang tempoh mereka menjalankan dan menyambung pengajian di UKKM.**

Ini dilihat mampu menjadikan kakitangan-kakitangan tersebut lebih kompeten dan memiliki kemahiran yang tinggi dalam bidang koperasi khususnya di samping dapat memberikan nilai tambah kepada koperasi yang terlibat.

13. Memandangkan universiti ini berkonsepkan universiti butik (yang mana ia membawa “niche” koperasi), saya pasti pengambilan pelajar agak terhad (eksklusif). Oleh itu, suka saya menyarankan untuk kita memberi keutamaan kepada anak-anak anggota koperasi, kakitangan-kakitangan koperasi dan anggota koperasi itu sendiri. Pada hari ni saya difahamkan lebih daripada 100 orang anggota koperasi hadir di majlis ini terdiri dari Koperasi Kluster Besar. Saya menyeru agar tuan dan puan memberi sokongan penuh kepada IKMa dengan mempromosikan program-program UKKM kepada seluruh kakitangan dan anggota koperasi masing-masing.

14. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) merupakan 3 agensi yang terlibat secara langsung dengan sektor koperasi Malaysia. Agensi-agensi ini diharap dapat memainkan peranan penting dalam membantu UKKM dari segala sudut yang mampu. Ini tidak hanya tertakluk kepada

sokongan dari sudut fizikal sahaja. **Sebagai contoh, 3 agensi ini boleh menjadi badan semak dan imbang bagi memastikan kualiti silibus pembelajaran yang melibatkan koperasi yang terkandung program-program yang terdapat di UKKM.** Cara ini dilihat mampu memastikan UKKM sentiasa memiliki silibus pembelajaran yang terkini serta mengikuti peredaran semasa sektor koperasi di negara ini seterusnya dapat melahirkan graduan yang mampu meningkatkan kemampanan sektor keusahawanan koperasi. Ini dapat membantu merealisasikan dasar KUSKOP untuk memperkasa aspirasi keusahawanan.

15. Hal ini juga dilihat dapat membantu UKKM untuk memenuhi salah satu daripada 11 aspirasi fokus hala tuju KPT untuk melonjakkan pendidikan tinggi negara. Perkara yang dimaksudkan itu adalah memperkukuhkan kekuatan sumber intelektual Malaysia dengan cara melipatgandakan pemerksaan bakat melalui penambahan pelaburan dalam latihan pascasiswazah, kedoktoran dan kepakaran khusus (Bagi UKKM, penyediaan kepakaran khusus dalam sektor keusahawanan dan koperasi).

16. Selain itu, peranan 3 agensi ini kepada UKKM dilihat selari dengan Aspirasi Koperasi Malaysia yang menyatakan SKM, IKMa dan ANGKASA komited untuk menjadikan gerakan koperasi sebagai penyumbang berkesan kepada pembangunan sosioekonomi negara yang makmur, inklusif dan mampan.

17. Tinggi harapan saya selaku Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi supaya Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia ini dapat melahirkan barisan pelapis pemimpin koperasi yang kompeten serta

menghasilkan tenaga mahir dan profesional dalam bidang pengurusan perniagaan mengikut bidang tujahan koperasi. **Pada hari ini kita boleh berbangga kerana Malaysia kini mempunyai universiti khas berkebitaraan Keusahawanan dan Koperasi bukan sahaja di peringkat negara malah universiti koperasi pertama di peringkat Asean.**

18. Saya pasti UKKM dapat menarik minat pelajar-pelajar di rantau ASEAN untuk mendapatkan pendidikan di universiti ini terutama dari negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei dan Filipina.

19. Sepertimana yang dimaklumkan, IKMa telah mengambil satu tindakan proaktif iaitu mewujudkan jalinan kerjasama strategik dengan universiti pengurusan koperasi di Indonesia iaitu Universiti IKOPIN pada 15 Februari 2023. Antara skop jalinan strategik yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak merangkumi aspek berikut:

- I. Pertukaran kepakaran antara kedua-dua pihak dalam pembangunan dan pendidikan koperasi.**
- II. Program mobiliti pelajar iaitu pertukaran pelajar dalam bidang koperasi antara IKMa, UKKM dan IKOPIN.**
- III. Melaksanakan kerjasama dalam latihan dan penyelidikan bidang koperasi.**

20. Signifikannya, UKKM menasaskan IKOPIN menghantar pelajar ke Universiti ini menjelang 2024 kelak setelah semua fasiliti atau infrastruktur universiti ini lengkap sepenuhnya.

21. Terkini saya difahamkan, IKMa turut melaksanakan inisiatif awal untuk mengadakan kerjasama dengan Universiti Riau Indonesia. Kedua-dua pihak telah pun menandatangani surat niat atau 'Letter of Intent' dan akan memeterai perjanjian pada September atau Oktober 2023 antara UKKM dan Universiti Riau Indonesia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

22. Akhir kata, sekali lagi saya berharap IKMa dengan kerjasama agensi persekutuan dan negeri yang ada akan terus gigih dan komited dalam melaksanakan agenda pembangunan modal insan dalam bidang keusahawanan di Malaysia. Kejayaan hanya boleh dikecapi melalui usaha dan pengalaman. Marilah kita semua berganding bahu dan bermuafakat bagi meningkatkan prestasi serta menyumbang kepada pertumbuhan negara.

23. Sebagai nasihat dan amanat penutup di kesempatan ini saya berikan 2 rangkap pantun untuk panduan bersama:

**Jika Tuan Mengangkat Peti
Tolong Masukkan Segala Barang
Wahai Koperator Bersatulah Hati
Agar Malaysia Madani Terus Gemilang.**

**Beras Segantang Sudah Disukat
Lalu Diletak Diatas dulang
Andai Seluruh Koperasi Muafakat
Prestasi Meningkatkan Negara Cemerlang**

Maka, saya dengan sukacitanya merasmikan **Bicara Ilmu Ramadan “Melabur Tanpa Waswas” Dan Majlis Berbuka Puasa** anjuran Institut **Koperasi Malaysia** pada kali ini.

Sekian, terima kasih dan selamat berbuka puasa.